

# DYRITON TABLET/SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg, 4mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYZRITON
2. Bagaimana DYZRITON berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYZRITON
4. Cara menggunakan DYZRITON
5. Semasa menggunakan DYZRITON
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYZRITON
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYZRITON

DYZRITON digunakan untuk:

- Melegakan
  - Rinitis (keradangan di dalam hidung) alahan dan bukan alahan
  - Alahan konjunktivitis (keradangan dan kemerahan pada lapisan nipis yang menutup depan mata).
  - Alahan kulit yang tidak teruk seperti gegata dan *angioneurotic oedema* (bengkak di bawah lapisan kulit atau membran mukus).
  - *Drug sensitisation reactions* (peningkatan kesan selepas dos berulang).
- Mengurangkan reaksi alahan kepada darah atau plasma, protein asing, gigitan dan sengatan serangga.
- Melegakan kesesakan saluran pernafasan akibat daripada selesema atau kerengsaan pada cuaca yang kering dan berdebu.

## Bagaimana DYZRITON berfungsi

Chlorpheniramine Maleate merupakan antihistamina yang bertindak mengurangkan gejala-gejala alergi. Kesan *antimuscarinic* pula bertindak dengan mengeringkan hidung.

## Sebelum menggunakan DYZRITON

- Bila tidak boleh menggunakan  
Ia tidak boleh diberikan kepada bayi pra-matang atau bayi baru lahir. Ia tidak boleh disyorkan semasa serangan asma yang akut.

### Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Penggunaan semasa trimester ketiga boleh menyebabkan reaksi pada bayi yang baru lahir. Chlorpheniramine maleate boleh menghalang penghasilan susu dan boleh dijumpai

dalam susu ibu. Tanya doktor anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan DYZRITON

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana daripada keadaan berikut:

- Sudut glaukoma yang sempit (peningkatan tekanan dalam mata)
- Pengekalan kencing
- Pembesaran prostat

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan serentak dengan alkohol boleh memberi kesan yang sama. Chlorpheniramine menghalang metabolism phenytoin dan boleh membawa kepada ketoksikan phenytoin. Phenytoint digunakan untuk sawan.

Kesan daripada Chlorpheniramine dipertingkatkan oleh Monoamine oxidase inhibitors (MAOIs). MAOIs digunakan untuk kemurungan. Chlorpheniramine boleh meningkatkan kesan sedatif pada sistem saraf pusat (CNS). Ini termasuk:

- Hipnotik, barbiturate, analgesik narkotik (penahan sakit), sedatif, penenang atau anxiolytics

## Cara menggunakan DYZRITON

### - Berapa banyak harus digunakan

Iku arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

## DYZRITON SYRUP

Dewasa: 3 sudu teh (15 ml) setiap hari dalam dos yang berasingan.

Kanak-kanak 2 - 6 tahun: 1 ½ sudu teh (7.5 ml) setiap hari dalam dos yang berasingan.

7 - 12 tahun: 1 ½ hingga 3 sudu teh (7.5 ml hingga 15 ml) setiap hari dalam dos yang berasingan.

AMARAN (apabila digunakan untuk rawatan batuk dan selesema): Tidak boleh digunakan pada kanak-

kanak kurang daripada 2 tahun. Gunakan dengan berhati-hati pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun dan dapatkan nasihat daripada doktor.

## DYZRITON TABLET

Dewasa: 3 tablet setiap hari dalam dos yang berasingan.

Kanak-kanak: 2 - 6 tahun: 1 ½ tablet setiap hari dalam dos yang berasingan.

7 - 12 tahun: 1 ½ tablet 3 tablet setiap hari dalam dos yang berasingan.

### - Bila perlu digunakan

Iku arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan keterujaan, sawan.

## Semasa menggunakan DYZRITON

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYRITON.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi DYRITON kepada seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Elakkan penggunaan alkohol.

*Memandu dan menggunakan jentera*  
Ia boleh menyebabkan rasa mengantuk dan mengurangkan kewaspadaan mental. Jangan ambil gunakan kenderaan atau jentera jika anda mengambil ubat ini.

#### Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYRITON boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-sesan sampingan adalah:  
Rasa mengantuk, pening, lemah otot, gangguan koordinasi. Gangguan pada sistem gastrousus seperti loya, muntah, cirit-birit atau sembelit. Ia juga boleh menyebabkan sakit kepala, penglihatan kabur, *tinnitus* (bunyi deringan atau dengung dalam telinga), kegembiraan atau kemurungan, cepat marah, mimpi buruk, masalah pemakanan, kesukaran membuang air, mulut kering, sesak dada, kesemutan, rasa berat, lemah tangan, tekanan darah rendah, gemuruh, kadar degupan jantung yang cepat, masalah untuk tidur, menggeletar dan sawan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan DYRITON

- Penyimpanan  
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.  
Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat  
Simpan di tempat kering bawah 25°C  
Lindungi daripada cahaya  
Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan  
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
**DYRITON SYRUP** - sirap berwarna kuning dengan perisa ros

**DYRITON TABLET** - tablet berwarna kuning berbentuk bulat, rata dan bergaris skor

- Bahan-bahan kandungan  
- Bahan aktif  
Chlorpheniramine maleate

- Bahan-bahan tidak aktif  
**DYRITON SYRUP** - Gula, Liquid Glucose, Methyl Paraben, propyl Paraben, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Citric Acid, Perisa Ros, Quinoline Yellow, Deionised Water

**DYRITON TABLET** - Gelatin, laktosa, Magnesium Stearate, Kanji, Aerosil, Quinoline Yellow

- Nombor MAL  
**DYRITON SYRUP** -  
MAL19910170AZ

**DYRITON TABLET** -  
MAL19910162AZ

#### Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
10/03/2017

**Nombor siri:**  
BPFK(R4/1)100317/00024